

# Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™

## Risalah Data Keselamatan

menurut Standard Komunikasi Bahaya (CFR29 1910.1200) HazCom 2012  
Tarikh dikeluarkan: 02/19/2015 Tarikh semakan: 09/02/2020 Versi: 4

### SEKSYEN 1: Pengenalpastian bahan/campuran dan syarikat/perusahaan

#### 1.1. Pengenal pasti produk

Nama produk : Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™  
Cecair Penyahjangkit MINNCARE™  
Kod produk : 176-01-001, 176-01-002, 176-01-003, 78399-646, 78399-647, 78399-648, 78398-229, 78397-983,  
78397-825, 78325-150, 78325-300, 78325-400, 78401-505

#### 1.2. Kegunaan berkaitan yang dikenal pasti bagi bahan atau campuran dan kegunaan yang dilarang

Kegunaan bahan/campuran : Untuk digunakan dalam sanitasi Osmosis Berbalik Membran dan sistem pengedaran yang berkaitan. Serta untuk pensterilan dan penyahjangkitan permukaan keras dan permukaan yang bersentuh dengan makanan yang tidak poros.

#### 1.3. Butiran pembekal risalah data keselamatan

Medivators Inc.  
14605 28th Avenue North  
Minneapolis, MN  
55447-4822 USA  
Tel: +1.763.553.3300  
Bebas Tol: +1.800.444.4729  
Faks: +1.763.553.3387  
www.medivators.com

#### 1.4. Nombor telefon kecemasan

Nombor kecemasan : 1-800-424-9300

### SEKSYEN 2: Pengenalpastian bahaya – Label ini diselaraskan oleh EPA di bawah FIFRA. Rujuk Seksyen 15.

#### 2.1. Klasifikasi bahan atau campuran

##### Klasifikasi GHS-US

Cecair pengoksidaan 2  
Organik peroksida G  
Mengakis logam 1  
Ketoksikan akut 4 (Penyedutan)  
Kakisan kulit 1A  
Kerosakan mata yang serius 1  
Ketoksikan organ sasaran khusus - Dedahan tunggal 3

#### 2.2. Unsur label

##### Pelabelan GHS-US

Piktogram bahaya (GHS-US) :



GHS03



GHS05



GHS07

Kata isyarat (GHS-US) :

Bahaya

Pernyataan bahaya (GHS-US) :

Boleh meningkatkan kemungkinan berlakunya kebakaran; pengoksidaan dan kerosakan mata. Berbahaya jika dihidu. Boleh menyebabkan kerengsaan pernafasan. Boleh menyebabkan rasa mengantuk atau pening

Pernyataan pencegahan (GHS-US) :

Jauhkan daripada haba. Simpan jauh daripada pakaian dan bahan boleh terbakar lain. Ambil apa-apa langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan bercampur dengan bahan boleh terbakar (logam, bahan oksida, alkali, kaustik, klorin, formaldehid, garam, bahan organik mudah menyala). Simpan hanya dalam bekas asal. Gunakan hanya di kawasan luar atau dengan pengudaraan yang baik. Jangan menyedut habuk atau wap. Basuh tangan dengan teliti selepas mengendalikannya. Pakai sarung tangan perlindungan/ pakaian pelindung/ pelindung mata/ pelindung muka. Serap tumpahan untuk mengelakkan kerosakan yang ketara. Jika terkena kulit (atau rambut): Bilas kulit dengan air/mandi. Jika terkena pakaian: Bilas pakaian dan kulit tercemar dengan air yang banyak dengan serta-merta sebelum menanggalkan pakaian. Basuh pakaian sebelum menggunakannya semula. Hubungi pusat racun/ doktor dengan serta-merta. Jika tertelan: Berkumur. JANGAN paksa untuk muntah. Hubungi pusat racun/ doktor dengan serta-merta. Jika tersedut: Bawa mangsa ke tempat berudara segar dan pastikan selesai untuk bernafas. Hubungi pusat racun/ doktor dengan serta-merta. Jika termasuk mata: Bilas mata dengan teliti selama beberapa minit. Tanggalkan kanta mata, jika memakainya dan senang dilakukan. Teruskan membilas. Hubungi pusat racun/ doktor dengan serta-merta. Simpan dalam bekas tahan kakisan dengan pelapik dalaman rintangan. Simpan dalam tempat pengudaraan yang baik. Pastikan bekas ditutup dengan ketat. Pastikan tempat penyimpanan berkunci. Lupuskan kandungan/bekas menurut peraturan tempatan/ serantau/ kebangsaan/ antarabangsa.

# Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™

## Risalah Data Keselamatan

menurut Standard Komunikasi Bahaya (CFR29 1910.1200) HazCom 2012

### 2.3. Bahaya lain

Tiada maklumat tambahan tersedia.

## SEKSYEN 3: Komposisi/ maklumat tentang bahan

### 3.1. Bahan

Tidak berkaitan.

### 3.2. Campuran

Nama	Pengenal pasti produk	%	Klasifikasi GHS-US
Hidrogen peroksida	(No CAS) 7722-84-1	10 - 30	Oksigen Cecair 2 Ketoksikan Akut 4 (Mulut) Ketoksikan Akut 4 (Penyedutan) Kakisan Kulit 1A
Asid asetik	(No CAS) 64-19-7	7 - 10	Mudah terbakar Cecair 3 Ketoksikan Akut 4 (Kulit) Kakisan Kulit 1A
Asid peroksiasetik	(No CAS) 79-21-0	3 - 7	Mudah terbakar Cecair 3 Organik Peroksida D Ketoksikan Akut 2 (Penyedutan) Ketoksikan Akut 4 (Mulut) Ketoksikan Akut 4 (Kulit) Kakisan Kulit 1A STOT SE 3
Penstabil	Pemilikan	< 1	Kerosakan Mata 1 Logam Kakisan 1

\* Identiti kimia spesifik dan peratusan tepat (kepekatan) komposisi telah dirahsiakan sebagai rahsia perdagangan mengikut perenggan (i) §1910.1200.

## SEKSYEN 4: Langkah-langkah pertolongan cemas

### 4.1. Perihal langkah-langkah pertolongan cemas

- Langkah-langkah pertolongan cemas selepas penyedutan : Jika tersedut, bawa ke tempat berudara segar. Jika tidak dapat bernafas, berikan alat bantuan pernafasan. Jika sukar bernafas, berikan oksigen. Dapatkan nasihat/ rawatan perubatan dengan serta-merta.
- Langkah-langkah pertolongan cemas selepas terkena kulit : Jika berlaku sentuhan, segera bilas dengan air yang banyak. Tanggalkan pakaian dan kasut yang tercemar. Basuh pakaian sebelum menggunakannya semula. Dapatkan nasihat/ rawatan perubatan dengan serta-merta.
- Langkah-langkah pertolongan cemas selepas terkena mata : Jika berlaku sentuhan, segera bilas dengan air yang banyak sekurang-kurangnya 15 minit. Jika mudah untuk dilakukan, tanggalkan kanta mata jika memakainya. Dapatkan nasihat/ rawatan perubatan dengan serta-merta.
- Langkah-langkah pertolongan cemas selepas pengingesan : JANGAN paksa untuk muntah. Berkumur. Jangan beri apa-apa melalui mulut kepada mangsa yang pengsan. Dapatkan nasihat/ rawatan perubatan dengan serta-merta.

### 4.2. Simptom dan kesan paling penting, bagi akut dan tertunda

- Gejala/ kecederaan selepas penyedutan : Berbahaya jika dihidu. Boleh menyebabkan kerengsaan pernafasan.
- Gejala/ kecederaan selepas bersentuhan dengan kulit : Menyebabkan lecuran kulit yang teruk. Gejala mungkin termasuk kemerahan, kesakitan dan melepuh.
- Gejala/ kecederaan selepas sentuhan dengan mata : Boleh menyebabkan kerosakan mata yang serius. Gejala termasuklah ketidakselesaan atau sakit mata, penghasilan air mata berlebihan atau kerlipan yang kerap, dengan kemerahan yang dan bengkak konjuktiva. Boleh menyebabkan lecuran.
- Gejala/ kecederaan selepas pengingesan : Mungkin berbahaya jika tertelan. Boleh menyebabkan senak perut, rasa loya atau muntah-muntah. Boleh menyebabkan lecuran kepada lapisan pelapik mulut, kerongkong dan saluran gastrousus.

### 4.3. Indikasi sebarang keperluan rawatan segera dan rawatan khas yang diperlukan

Siptom mungkin tidak kelihatan dengan serta merta. Jika berlaku kemalangan atau anda berasa tidak sihat, dapatkan nasihat perubatan dengan segera (tunjukkan label atau SDS jika perlu).

## SEKSYEN 5: Langkah-langkah memadamkan kebakaran

### 5.1. Alat pemadam kebakaran

- Alat pemadam kebakaran yang sesuai : Semburan air, bahan kimia kering, buih dan karbon dioksida.
- Alat pemadam kebakaran yang tidak sesuai : Jangan gunakan pancutan air.

### 5.2. Bahaya khusus yang timbul daripada bahan atau campuran

- Bahaya kebakaran : Produk pembakaran mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada: oksida karbon dan oksigen. Bahaya terhadap penghasilan produk pirolisis toksik.

# Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™

## Risalah Data Keselamatan

menurut Standard Komunikasi Bahaya (CFR29 1910.1200) HazCom 2012

Bahaya letupan : Haba boleh menghasilkan tekanan, meretakkan bekas tertutup, memarakan kebakaran dan meningkatkan risiko kelecuman dan kecederaan. Bahan ini meningkatkan risiko kebakaran dan mungkin meningkatkan pembakaran.

### 5.3. Nasihat kepada bomba

Perlindungan semasa memadam kebakaran : Jaga arah angin kebakaran. Pakai pakaian ahli bomba standard yang lengkap (pakaian Bunker lengkap) dan perlindungan pernafasan (SCBA). Gunakan semburan air untuk menyejukkan permukaan terdedah.

## SEKSYEN 6: Langkah-langkah bagi pelepasan tidak sengaja

### 6.1. Langkah-langkah penjagaan peribadi, peralatan perlindungan dan prosedur kecemasan

Langkah-langkah umum : Gunakan alat perlindungan peribadi yang disyorkan dalam Seksyen 8. Kepung kawasan bahaya dan halang kemasukan kakitangan yang tidak berkaitan dan tanpa perlindungan. Singkirkan sumber nyalaan.

### 6.2. Kaedah dan bahan untuk pembendungan dan pembersihan

Untuk pembendungan : Jika berlaku tumpahan tidak sengaja, halang tumpahan dan netralkannya dengan natrium bikarbonat atau natrium karbonat. Gunakan pakaian perlindungan peribadi (PPE) yang bersesuaian.

Kaedah untuk pembersihan : Cedok bahan tersebut dan letakkannya dalam bekas pelupusan. Serap tumpahan untuk mengelakkan kerosakan yang ketara. Sediakan pengudaraan. Jangan gunakan semula bahan cecair.

### 6.3. Rujukan untuk seksyen lain

Lihat seksyen 8 untuk maklumat lanjut tentang pakaian dan kelengkapan perlindungan dan seksyen 13 untuk nasihat tentang pelupusan sisa.

## SEKSYEN 7: Pengendalian dan penyimpanan

### 7.1. Langkah berjaga-jaga untuk pengendalian selamat

Bahaya tambahan apabila diproses : Boleh mengakis logam.

Langkah berjaga-jaga untuk pengendalian selamat : Jauhkan daripada sumber nyalaan. Jangan biarkan terkena mata, kulit dan pada pakaian. Jangan menghidu habuk/ wasap/ gas/ wap/ semburan. Jangan tertelan. Kendalikan dan buka bekas dengan berhati-hati. Gunakan hanya di kawasan luar atau dengan pengudaraan yang baik. Apabila menggunakannya, jangan makan, minum atau merokok. Jangan kembalikan bahan tidak dipakai ke dalam bekas asalnya.

Langkah-langkah kebersihan : Cuci pakaian tercemar sebelum menggunakannya semula. Basuh tangan sebelum makan, minum atau merokok.

### 7.2. Keadaan untuk penyimpanan selamat, termasuklah apa-apa ketidakserasian

Langkah-langkah teknikal : Prosedur pembumian yang sewajarnya untuk mengelakkan daya elektrik statik yang harus diikuti.

Keadaan penyimpanan : Jauhkan daripada capaian kanak-kanak. Pastikan bekas ditutup dengan ketat. Simpan hanya dalam bekas asal di tempat dingin dan mempunyai pengudaraan yang baik. Simpan dan jauhkan daripada bahan lain. Lantai perlukan salutan perlindungan terhadap asid. Simpan pada suhu tidak melebihi 23.9 °C (75 °F). Lindungi daripada cahaya matahari. Pastikan tempat penyimpanan berkunci.

### 7.3. Kegunaan akhir spesifik

Tidak tersedia.

## SEKSYEN 8: Kawalan dedahan/ perlindungan peribadi

### 8.1. Parameter kawalan

Hidrogen peroksida (7722-84-1)		
ACGIH	ACGIH TWA (ppm)	1 ppm
OSHA	OSHA PEL (TWA) (mg/m <sup>3</sup> )	1.4 mg/m <sup>3</sup>
OSHA	OSHA PEL (TWA) (ppm)	1 ppm
Asid asetik (64-19-7)		
ACGIH	ACGIH TWA (ppm)	10 ppm
ACGIH	ACGIH STEL (ppm)	15 ppm
OSHA	OSHA PEL (TWA) (mg/m <sup>3</sup> )	25 mg/m <sup>3</sup>
OSHA	OSHA PEL (TWA) (ppm)	10 ppm
Asid peroksiasetik (79-21-0)		
ACGIH	ACGIH STEL (ppm)	0.4 ppm (pecahan dan wap boleh sedut)
OSHA	Tidak berkaitan	

# Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™

## Risalah Data Keselamatan

menurut Standard Komunikasi Bahaya (CFR29 1910.1200) HazCom 2012

Penstabil (Proprietari)	
ACGIH	Tidak berkaitan
OSHA	Tidak berkaitan

### 8.2. Kawalan dedahan

Kawalan kejuruteraan bersesuaian	: Gunakan pengudaraan mencukupi untuk mengekalkan dedahan (tahap bawaan udara seperti debu, wasap, wap dsb.) di bawah had dedahan yang disyorkan. Pastikan stesen basuhan mata dan mandian keselamatan berdekatan dengan lokasi tempat kerja.
Perlindungan tangan	: Pakai sarung tangan pelindung tahan kimia.
Perlindungan mata	: Pakai alat perlindungan mata yang diluluskan (gogal keselamatan kimia kalis tumpahan atau kalis debu dipasang dengan betul) dan perlindungan muka (topeng muka).
Perlindungan kulit dan badan	: Pakai pakaian perlindungan yang sesuai. Pakai apron tahan pelarut dan kasut but untuk mengelakkan tumpahan.
Perlindungan pernafasan	: Jika berlaku pengudaraan yang tidak mencukupi, pakai kelengkapan pernafasan yang sesuai. Pemilihan respirator mestilah berdasarkan tahap dedahan diketahui atau dijangka, bahaya produk serta had kerja selamat respirator yang dipilih.
Kawalan dedahan persekitaran	: Kekalkan tahap di bawah ambang perlindungan persekitaran Komuniti.
Maklumat lain	: Jangan makan, merokok atau minum di tempat bahan dikendalikan, diproses atau disimpan. Basuh tangan dengan teliti sebelum makan atau merokok. Kendalikan menurut amalan kebersihan dan keselamatan industri yang tersedia.

## SEKSYEN 9: Sifat fizik dan kimia

### 9.1. Maklumat sifat asas fizik dan kimia

Keadaan fizikal	: Cecair
Rupa bentuk	: Jernih
Warna	: Tidak berwarna
Bau	: Asid
Ambang bau	: Tiada data tersedia
pH	: 0.8 +/- 3
Keasidan	: 8.65% w/w (setara dengan asid sulfurik)
Sifat piroforik	: Bukan cecair piroforik
Pengakisan terhadap logam	: Tidak mengakis
Kadar sejatan relatif (butilasetat=1)	: Tiada data tersedia
Takat lebur	: Tiada data tersedia
Takat beku	: Tiada data tersedia
Takat didih	: Tiada data tersedia
Takat kilat	: Tidak mempunyai takat kilat di bawah suhu mendidih
Suhu auto-nyalaan	: Tiada data tersedia
Suhu penguraian	: Tiada data tersedia
Kemudahbakaran (pepejal, gas)	: Tidak mudah terbakar
Tekanan wap	: Tiada data tersedia
Ketumpatan wap relatif pada 20 °C	: Tiada data tersedia
Ketumpatan relatif	: 1.1027
Kelarutan	: Tiada data tersedia
Pekali sekatan: n-octanol/ air	: Tiada data tersedia
Log Pow	: Tiada data tersedia
Log Kow	: Tiada data tersedia
Kepekatan, kinematik	: 1.22 mm <sup>2</sup> /s @ 20.0 °C / 0.832 mm <sup>2</sup> /s @ 40.0 °C
Kepekatan, dinamik	: 1.35 mm <sup>2</sup> /s @ 20.0 °C / 0.917 mm <sup>2</sup> /s @ 40.0 °C
Sifat bahan letupan	: Tiada data tersedia
Sifat pengoksidaan	: Boleh meningkatkan kebarangkalian kebakaran dan pengoksidaan
Had bahan letupan	: Tiada data tersedia
SADT	: > 60 °C
Tegangan permukaan	: 73.0 mN/m pada 20.0 Å ± 0.5 Å°C (0.05% v/v larutan dalam air)

### 9.2. Maklumat lain

Tiada maklumat tambahan tersedia.

# Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™

## Risalah Data Keselamatan

menurut Standard Komunikasi Bahaya (CFR29 1910.1200) HazCom 2012

### SEKSYEN 10: Kestabilan dan kereaktifan

#### 10.1. Kereaktifan

Boleh menyebabkan atau menyumbang kepada pembakaran bahan lain biasanya dengan penghasilan oksigen. Boleh mengakis logam.

#### 10.2. Kestabilan bahan kimia

Stabil di bawah keadaan penyimpanan normal. Terurai perlahan-lahan untuk membebaskan oksigen.

#### 10.3. Kemungkinan tindak balas bahaya

Tiada tindak balas bahaya diketahui di bawah keadaan kegunaan biasa.

#### 10.4. Keadaan yang perlu dielakkan

Haba. Sumber nyalaan. Bahan tidak serasi.

#### 10.5. Bahan tidak serasi

Logam. Bahan pengoksidaan. Alkali. Kaustik. Klorin. Formaldehid. Garam. Bahan organik mudah terbakar.

#### 10.6. Produk penguraian berbahaya

Mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada: oksida karbon dan oksigen. Jangan campur dengan produk berklorin yang mana ia mungkin membebaskan gas klorin mengakis dan bertoksik.

### SEKSYEN 11: Maklumat ketoksikan

#### 11.1. Maklumat kesan ketoksikan

Ketoksikan akut : Berbahaya jika dihidu.

Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™	
LD50 oral tikus	> 2000 mg/kg
LD50 kulit arnab	> 2000 mg/kg
LC50 penyedutan tikus	> 2.0 tetapi ≤10.0 mg/l (Dikira menggunakan nilai ATE)
Hidrogen peroksida (7722-84-1)	
LD50 oral tikus	801 mg/kg
LD50 kulit tikus	4060 mg/kg
LD50 kulit arnab	2000 mg/kg
LC50 penyedutan tikus	2 g/m <sup>3</sup> /4 h
Asid asetik (64-19-7)	
LD50 oral tikus	3310 mg/kg
LD50 kulit arnab	1060 mg/kg
Asid peroksiasetik (79-21-0)	
LD50 oral tikus	1540 mg/kg
LD50 kulit arnab	1410 µl/kg
LC50 penyedutan tikus	0.524 mg/l4/h
Penstabil (Proprietari)	
LD50 oral tikus	2400 mg/kg
LD50 kulit arnab	> 7940 mg/kg

Kakisan/ kerengsaan kulit : Menyebabkan lecuran kulit yang teruk.  
Kerosakan/ kerengsaan mata yang serius : Boleh menyebabkan kerosakan mata yang serius.  
Pemekaan pernafasan atau kulit : Berasaskan data tersedia, kriteria klasifikasi tidak dipatuhi.  
Kemutagenan sel germa : Berasaskan data tersedia, kriteria klasifikasi tidak dipatuhi.  
Kekarsinogenan : Berasaskan data tersedia, kriteria klasifikasi tidak dipatuhi.

Hidrogen peroksida (7722-84-1)	
Kumpulan IARC	3 - Tidak boleh dikelaskan

Ketoksikan reproduktif : Berasaskan data tersedia, kriteria klasifikasi tidak dipatuhi.  
Ketoksikan organ sasaran spesifik (dedahan tunggal) : Boleh menyebabkan kerengsaan pernafasan.  
Ketoksikan organ sasaran spesifik (dedahan berulang) : Berasaskan data tersedia, kriteria klasifikasi tidak dipatuhi.  
Bahaya penyedutan : Berasaskan data tersedia, kriteria klasifikasi tidak dipatuhi.  
Gejala/ kecederaan selepas penyedutan : Berbahaya jika dihidu. Boleh menyebabkan kerengsaan pernafasan. Boleh menyebabkan rasa mengantuk dan pening.

# Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™

## Risalah Data Keselamatan

menurut Standard Komunikasi Bahaya (CFR29 1910.1200) HazCom 2012

Gejala/ kecederaan selepas bersentuhan dengan kulit	: Menyebabkan lecuran kulit yang teruk. Gejala mungkin termasuk kemerahan, kesakitan dan melepuh.
Gejala/ kecederaan selepas sentuhan dengan mata	: Boleh menyebabkan kerosakan mata yang serius. Gejala termasuklah ketidakselesaan atau sakit mata, penghasilan air mata berlebihan atau kerlipan yang kerap, dengan kemerahan yang dan bengkak konjuktiva. Boleh menyebabkan lecuran.
Gejala/ kecederaan selepas pengingesan	: Mungkin berbahaya jika tertelan. Boleh menyebabkan senak perut, rasa loya atau muntah-muntah. Boleh menyebabkan lecuran kepada lapisan pelapik mulut, kerongkong dan saluran gastrousus.

### SEKSYEN 12: Maklumat ekologi

#### 12.1. Ketoksikan

Ekologi - umum : Tidak dianggap bahaya terhadap hidupan akuatik.

#### 12.2. Ketekalan dan kebolehuraian

Tiada maklumat tambahan tersedia.

#### 12.3. Potensi bioakumulatif

##### Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™

Potensi bioakumulatif	Tidak disediakan.
-----------------------	-------------------

#### 12.4. Pergerakan dalam tanah

Tiada maklumat tambahan tersedia.

#### 12.5. Kesan buruk lain

Kesan pada pemanasan global : Tiada kerosakan ekologi yang diketahui disebabkan oleh produk ini.

### SEKSYEN 13: Pertimbangan pelupusan

#### 13.1. Kaedah rawatan sisa

Saranan pelupusan sisa : Bahan ini mesti dilupuskan menurut semua peraturan tempatan, negeri, wilayah dan persekutuan. Penjanaan sisa seboleh-bolehnya harus dielakkan atau dikurangkan.

### SEKSYEN 14: Maklumat pengangkutan

Menurut DOT.

No.-UN(DOT) : UN3149  
Nama Penghantaran yang Betul (DOT) : Campuran hidrogen peroksida dan asid peroksiasetik, distabilkan  
Jabatan Pengangkutan (DOT) : 5.1 (8)  
Kelas Bahaya :  
Label bahaya (DOT) :



Kumpulan pembungkusan (DOT) : II

#### Maklumat tambahan

Maklumat lain : Tiada maklumat tambahan tersedia.  
Langkah berjaga-jaga khas pengangkutan : Jangan kendalikan sehinggalah semua langkah keselamatan telah dibaca dan difahami.

### SEKSYEN 15: Maklumat kawal selia

#### 15.1. Peraturan Persekutuan USA

Semua komponen dalam produk ini disenaraikan atau dikecualikan daripada penyenaian pada inventori Akta Kawalan Bahan Toksik (TSCA) Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat.

Notis Produk Pestisid EPA FIFRA	Bahan kimia ini didaftarkan sebagai pestisid oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat dan tertakluk kepada keperluan pelabelan tertentu di bawah undang-undang pestisid persekutuan. Keperluan ini berbeza daripada kriteria klasifikasi dan bahaya maklumat yang dikehendaki bagi risalah data keselamatan (SDS), dan untuk label tempat kerja bahan kimia bukan pestisid. Maklumat bahaya diperlukan untuk label pestisid dihasilkan semula seperti di bawah. Label pestisid juga termasuk maklumat penting lain, termasuklah cara-cara kegunaan.
Perkataan Isyarat EPA FIFRA	Bahaya
Pernyataan Bahaya EPA FIFRA	Jauhkan daripada Capaian Kanak-Kanak
Pernyataan Langkah Berjaga-jaga EPA FIFRA	Bahaya terhadap Manusia dan Haiwan Domestik

# Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™

## Risalah Data Keselamatan

menurut Standard Komunikasi Bahaya (CFR29 1910.1200) HazCom 2012

### Hidrogen peroksida (7722-84-1)

Didaftarkan di Seksyen 302 SARA Amerika Syarikat

Kuantiti Perancangan Ambang (TPQ) Seksyen 302 SARA	1000 (kepekatan >52%)
----------------------------------------------------	-----------------------

### Asid peroksiasetik (79-21-0)

Didaftarkan di Seksyen 302 SARA Amerika Syarikat

Didaftarkan di Seksyen 313 SARA Amerika Syarikat

Kuantiti Perancangan Ambang (TPQ) Seksyen 302 SARA	500
----------------------------------------------------	-----

Seksyen 313 SARA - Laporan Pengeluaran	1.0 %
----------------------------------------	-------

### 15.2. Peraturan Negeri USA

#### Agen Pensterilan Sejuk MINNCARE™

Peraturan negeri atau setempat	Produk ini tidak mengandungi bahan kimia yang diketahui oleh Negeri California yang menyebabkan kanser, kecacatan kelahiran atau bahaya reproduktif lain.
--------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

### SEKSYEN 16: Maklumat lain

Tarikh dikeluarkan : 19/02/2015

Maklumat lain : Tiada.

MINNCARE™ merupakan tanda dagangan Medivators Inc.

*Penafian: Kami percaya pernyataan, maklumat teknikal dan saranan terkandung dalam dokumen ini adalah boleh dipercayai, tetapi ia diberikan tanpa apa-apa jenis waranti atau jaminan. Maklumat terkandung dalam dokumen ini terpakai untuk bahan spesifik ini seperti dibekalkan. Ia mungkin tidak sesuai untuk bahan ini jika ia digunakan dengan kombinasi bahan lain. Adalah menjadi tanggungjawab pengguna memuaskan diri sendiri dengan kesesuaian dan kecukupan maklumat ini bagi kegunaan pengguna sendiri.*